

11/07/2004

10 bahagian Wanita Johor calon Rafidah, Shahrizat

JOHOR BAHRU: Kesemua 10 Ketua Wanita Umno bahagian di Johor yang bersidang semalam mencalonkan Datuk Seri Rafidah Aziz sebagai Ketua Wanita, manakala Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil sebagai Naib Ketua.

Sepuluh bahagian terbabit ialah Simpang Renggam, Pengerang, Muar, Kluang, Pontian, Kota Tinggi, Sembrong, Labis, Pasir Gudang dan Parit Sulong mencalonkan Rafidah dan Shahrizat untuk terus menerajui kepemimpinan Wanita.

Senario bagi kepemimpinan Pemuda pula menyaksikan kesemua sembilan Pemuda bahagian mencalonkan Menteri Pelajaran, Datuk Hishammuddin Hussein sebagai Ketua, manakala Khairy Jamaluddin memperolehi lapan pencalonan untuk Naib Ketua.

Bahagian yang mencalonkan Hishammuddin ke jawatan ketua, manakala Khairy ke jawatan Naib Ketua ialah Kota Tinggi, Tebrau, Pengerang, Muar, Labis, Segamat, Pasir Gudang dan Sembrong.

Sementara itu, Pemuda Umno Bahagian Simpang Renggam pula mencalonkan Hishammuddin sebagai Ketua, dan Datuk Mukhriz Mahathir jawatan Naib Ketua.

Pemuda Umno Sekijang yang bersidang, Khamis lalu mencalonkan Hishammuddin dan Khairy sebagai Ketua dan Naib Ketua Pemuda Umno.

Bagi Puteri Umno pula, kesemua 10 bahagian yang bersidang iaitu Segamat, Labis, Bakri, Muar, Sembrong, Simpang Renggam, Pasir Gudang, Pontian, Kota Tinggi dan Pengerang mencalonkan Noraini Ahmad sebagai Ketua Puteri Umno.

Bagi jawatan Naib Ketua, Ketua Puteri Sabah, Rosnah Abdul Rashid Shirlin mendapat enam pencalonan dari Sembrong, Segamat, Bakri, Muar, Pontian dan Labis.

(END)